



**Garis Panduan Permohonan Nama
Domain .GOV.MY dan Kategori .MY
yang lain**

Bermula dari Ogos 2026

.myNIC

Isi Kandungan

1.	PENGENALAN	3
2.	TAKRIFAN	3
3.	KATEGORI NAMA DOMAIN .MY	5
4.	KELAYAKAN UNTUK MENDAFTAR NAMA DOMAIN .MY	6
5.	PERATURAN PENAMAAN NAMA DOMAIN .MY	6
6.	DOKUMEN SOKONGAN	8
7.	MAKLUMAT NAMA DOMAIN YANG DIPERLUKAN	9
8.	PERMOHONAN NAMA DOMAIN MELALUI MYNIC	10
9.	PERMOHONAN NAMA DOMAIN MELALUI REGISTRAR DOMESTIK MYNIC	18

1. PENGENALAN

1.1 Tujuan

Dokumen ini menetapkan garis panduan kepada entiti kerajaan untuk urusan pendaftaran nama domain atau alamat internet .MY dan pengurusannya. Garis panduan ini bertujuan untuk memastikan semua entiti kerajaan mempunyai kefahaman yang sama semasa mendaftar nama domain .MY untuk kategori .gov.my dan kategori .MY yang lain (.my, .com.my, .net.my, .org.my).

1.2 Skop

- 1.2.1 Garis Panduan ini terpakai kepada Jabatan atau agensi Kerajaan Persekutuan, Jabatan atau agensi Kerajaan Negeri, Jabatan atau agensi Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun.
- 1.2.2 Garis Panduan ini memberikan tumpuan hanya untuk kategori .gov.my dan kategori .MY yang lain (.my, .com.my, .net.my, dan .org.my) sahaja kerana kategori lain kurang sesuai untuk didaftarkan oleh pihak kementerian atau agensi-agensi dibawahnya.
- 1.2.3 Ia meliputi permohonan yang dikemukakan secara terus kepada pihak MYNIC atau melalui Pendaftar Domestik MYNIC juga dikenali sebagai Registrar.

2. TAKRIFAN

No.	Terma	Definisi
2.1	MYNIC	Registry Operator yang bertanggungjawab dalam mentadbir dan mengurus pendaftaran nama domain .MY yang merangkumi pentadbiran pangkalan data nama domain .MY, operasi DNS dan DNSSEC .MY serta penentuan dasar.
2.2	Registrar	Syarikat atau organisasi yang telah diakreditasi dan diberi kuasa oleh MYNIC (Registry) untuk menyediakan perkhidmatan pendaftaran, pembaharuan, pemindahan dan pengurusan nama domain .MY kepada pengguna.
2.3	Pemohon	Entiti kerajaan yang memohon nama domain atau alamat internet .MY.
2.4	Nama Domain Paras Ke dua (<i>Second Level Domain - 2LD</i>)	Kategori nama domain paras ke dua yang ditawarkan oleh pihak MYNIC iaitu .MY. Contoh nama domain paras ke dua: • pengguna.my • mediaharapan.my

2.5	Nama Domain Paras Ke tiga (<i>Third Level Domain – 3LD</i>)	Kategori nama domain paras ke tiga merujuk kepada 9 kategori yang ditawarkan oleh pihak MYNIC iaitu .gov.my, edu.my, mil.my, .com.my, .net.my, .org.my, .coop.my, .biz.my dan .name.my. Contoh nama domain paras ke tiga: • digital.gov.my, • buymalaysian.com.my Nota: Kategori .edu.my, .mil.my, .coop.my, .biz.my, .name.my tidak terpakai untuk garis panduan ini.
2.6	Nama Domain Premium	Nama domain yang pendek, mudah dieja, mudah diingati, atau mempunyai nama yang menarik dan bernilai tinggi dan berpotensi menjadi alamat laman web yang popular serta menawarkan peluang penjenamaan yang lebih kukuh dan berkesan untuk perniagaan, organisasi, atau individu. Kategori yang terlibat ialah .my, .com.my, .net.my, .org.my dan .biz.my.

3. KATEGORI NAMA DOMAIN .MY

3.1 Nama Domain Kategori Terbuka.

Kategori	Penerangan	Harga <i>*Tidak termasuk SST</i>
.my	Bagi individu dan semua organisasi di Malaysia	Bergantung kepada ketetapan Registrar
.com.my	Organisasi /aktiviti komersial	Maksimum RM80 setahun
.net.my	Organisasi /aktiviti yang berkaitan dengan rangkaian	
.org.my	Organisasi pertubuhan /aktiviti lain	
.biz.my	Peniaga rintis, mikro dan kecil	
.name.my	Warganegara dan bukan warganegara yang menetap di Malaysia	Maksimum RM32 setahun

3.2 Nama Domain Kategori Terhad.

Kategori	Penerangan	Harga <i>*Tidak termasuk SST</i>
.gov.my	Agensi kerajaan Malaysia	Maksimum RM80 setahun
.mil.my	Agensi ketenteraan Malaysia	
.edu.my	Institusi pendidikan Malaysia	
.coop.my	Koperasi berdaftar di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)	Minimum RM200 setahun

Nota: Untuk agensi kerajaan, tumpuan hanya untuk kategori gov.my dan kategori .MY yang lain (.my, .com.my, .net.my, .org.my) sahaja kerana kategori lain kurang sesuai untuk didaftarkan oleh pihak kementerian atau agensi-agensi dibawahnya.

3.3 Domain Premium.

Kategori	Harga <i>*Tidak termasuk SST</i>
.my	Harga pendaftaran baharu bagi nama domain premium adalah lebih tinggi berbanding nama domain biasa dan mungkin berbeza mengikut registrar. Rujukan senarai nama domain premium https://mynic.my/prime/pdn
.com.my	
.net.my	
.biz.my	
.org.my	

4. KELAYAKAN UNTUK MENDAFTAR NAMA DOMAIN .MY

- 4.1 Entiti kerajaan yang ditubuhkan di bawah undang-undang Persekutuan / negeri seperti senarai berikut:
 - 4.1.1 Jabatan atau Agensi Kerajaan Persekutuan.
 - 4.1.2 Jabatan atau Agensi Kerajaan Negeri.
 - 4.1.3 Jabatan atau Agensi Pihak Berkuasa Tempatan.
 - 4.1.4 Badan Berkanun.
- 4.2 Mana-mana agensi kerajaan yang wujud di bawah syarikat, yayasan atau pertubuhan antarabangsa dinasihatkan untuk mendapatkan kelulusan bertulis dari pihak kementerian masing-masing untuk mendaftar .gov.my kerana pihak kementerian lebih mengetahui peranan setiap agensi di bawah kementerian mereka.

5. PERATURAN PENAMAAN NAMA DOMAIN .MY

- 5.1 Format umum:
 - 5.1.1 <organisasi>.gov.my (contoh: abc.gov.my);
 - 5.1.2 <organisasi>.my (contoh: abc.my).

Nota: Sekiranya pihak organisasi ingin menambah sub-domain bagi kategori abc.gov.my seperti senarai.abc.gov.my atau bagi kategori abc.my seperti senarai.abc.my, ianya perlu diuruskan oleh pihak organisasi sendiri kerana penambahan tersebut diluar bidang kuasa pihak MYNIC.

5.2 Syarat-syarat pemilihan nama domain,

5.2.1 Syarat asas nama domain:

- 5.2.1.1 Nama domain mestilah mengandungi antara 1 hingga 63 aksara.
- 5.2.1.2 Hanya huruf (a-z), nombor (0-9) dan tanda sempang (-) dibenarkan.
- 5.2.1.3 Tanda sempang (-) hanya boleh digunakan di tengah nama domain dan tidak boleh berada pada permulaan atau penghujung nama domain.
- 5.2.1.4 Aksara khas seperti `_`, `&`, `/`, `.` serta ruang kosong (*space*) tidak dibenarkan.
- 5.2.1.5 Nama domain hendaklah menggunakan huruf kecil (*lowercase*) sahaja.

5.2.2 Nama domain tidak dibenarkan mengandungi atau menggunakan;

- 5.2.2.1 Nama negara, negeri atau lokasi rasmi seperti Malaysia, Johor, Melaka dan seumpamanya, kecuali mendapat kebenaran pihak berkuasa negeri yang berkaitan.
- 5.2.2.2 Istilah berkaitan agama utama di Malaysia seperti Islam, Buddha, Hindu, Kristian dan seumpamanya jika digunakan secara bersendirian sebagai nama domain.
- 5.2.2.3 Nama atau label yang lucu, tidak sopan, menghina, menyinggung perasaan atau bercanggah dengan norma masyarakat Malaysia.
- 5.2.2.4 Perkataan terkawal sektor kewangan seperti bank, Islamic bank, insurance, takaful, financial adviser dan seumpamanya, kecuali mendapat kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Bank Negara Malaysia.
- 5.2.2.5 Perkataan yang boleh memberi gambaran hubungan dengan Kerajaan Malaysia seperti Malaysia Government, Government, Parliament, Prime Minister, Kerajaan Malaysia, Parlimen, Perdana Menteri dan variasinya.
- 5.2.2.6 Perkataan yang boleh memberi gambaran hubungan dengan Institusi Diraja Malaysia atau naungan diraja, kecuali mendapat kebenaran pihak berkuasa yang berkaitan.
- 5.2.2.7 Nama Organisasi Antara Kerajaan (*IGO*) atau nama negara dalam Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Cina atau Tamil.

5.2.3 Keperluan Kelulusan Khas: Nama domain mengandungi perkataan **"AI"** atau **"DIGITAL"**.

- 5.2.3.1 Sekiranya nama domain yang dipohon oleh agensi Kerajaan mengandungi perkataan **"AI"** atau **"DIGITAL"**, pihak organisasi perlu mendapatkan kelulusan bertulis daripada Ketua Setiausaha (KSU), Kementerian Digital sebelum permohonan dihantar kepada pihak MYNIC. Nota: Arahan ini berkuatkuasa bermula Julai 2024.

6. DOKUMEN SOKONGAN

6.1 Dokumen Sokongan untuk Jabatan dan Agensi Kerajaan.

Jenis Organisasi	Dokumen Sokongan
Jabatan atau Agensi Kerajaan Persekutuan	Surat Permohonan Rasmi daripada Ketua Jabatan atau Agensi Kerajaan Persekutuan
Jabatan atau Agensi Kerajaan Negeri	Surat Permohonan Rasmi daripada Setiausaha Kerajaan Negeri atau Ketua Agensi berkenaan
Jabatan atau Agensi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	Surat Permohonan Rasmi daripada Ketua Pihak Berkuasa Tempatan atau Agensi berkenaan
Badan Berkanun	Surat Permohonan Rasmi daripada Ketua Badan Berkanun berkenaan

6.2 Surat Permohonan Rasmi perlu dicetak di atas kepala surat (letterhead) organisasi dan ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa seperti diatas.

6.3 Kandungan Surat Permohonan Rasmi hendaklah merangkumi perkara-perkara berikut:

6.3.1 Nama domain yang dipohon;

6.3.2 Tujuan permohonan nama domain;

6.3.3 Maklumat pegawai dalam organisasi yang boleh dihubungi oleh pihak MYNIC, termasuk nama, jawatan, nombor telefon dan alamat e-mel.

7. MAKLUMAT NAMA DOMAIN YANG DIPERLUKAN

7.1 Maklumat Organisasi:

- 7.1.1 Nama organisasi
- 7.1.2 Nombor pendaftaran organisasi
- 7.1.3 Jenis organisasi
- 7.1.4 Alamat organisasi.

7.2 Pegawai Perhubungan Pentadbiran (*Administrative Contact*)

- 7.2.1 Nama pegawai, alamat e-mel, nombor telefon pejabat dan nombor telefon bimbit.
- 7.2.2 Hendaklah terdiri daripada pegawai dalam organisasi dan tidak dibenarkan daripada kalangan pembekal atau perunding.
- 7.2.3 Bertanggungjawab:
 - 7.2.3.1 memastikan ketepatan maklumat nama domain dengan mengemas kini butiran sekiranya berlaku pertukaran pegawai, pertukaran alamat organisasi, alamat e-mel, nombor telefon pejabat dan nombor telefon bimbit.
 - 7.2.3.2 mengemaskini maklumat DNS sekiranya berlaku perubahan.
 - 7.2.3.3 pemindahan nama domain kepada registrar lain sekiranya perlu.

7.3 Kontak Teknikal (*Technical Contact*)

- 7.3.1 Nama organisasi, nama pegawai, alamat organisasi, alamat e-mel, nombor telefon pejabat dan nombor telefon bimbit.
- 7.3.2 Boleh terdiri daripada maklumat yang sama iaitu Pegawai Perhubungan Pentadbiran, pasukan IT dalaman, pembekal ICT yang dilantik, penyedia perkhidmatan hosting/DNS, atau Pendaftar Domestik MYNIC.
- 7.3.3 Bertanggungjawab:
 - 7.3.3.1 terhadap konfigurasi DNS, pengurusan DNS, aspek keselamatan (terutamanya untuk pelaksanaan DNSSEC).
 - 7.3.3.2 memastikan ketersediaan dan pemantauan sistem.
 - 7.3.3.3 mengemaskini maklumat DNS sekiranya berlaku perubahan.

7.4 Kontak Pembilan (*Billing Contact*)


- 7.4.1 Nama organisasi, nama pegawai, alamat organisasi, alamat e-mel, nombor telefon pejabat dan nombor telefon bimbit.
- 7.4.2 Boleh terdiri daripada maklumat yang sama iaitu Pegawai Perhubungan Pentadbiran, pasukan IT dalaman, vendor ICT yang dilantik, penyedia perkhidmatan hosting/DNS, atau Pendaftar Domestik MYNIC.
- 7.4.3 Bertanggungjawab:
 - 7.4.3.1 mengurus invois, proses pembayaran serta membuat peringatan pembaharuan nama domain .MY.
 - 7.4.3.2 untuk pemindahan nama domain kepada Registrar lain sekiranya perlu.

8. PERMOHONAN NAMA DOMAIN MELALUI MYNIC


- 8.1 Permohonan nama domain baharu .gov.my adalah melalui MYNIC, manakala bagi kategori .my, .com.my, .net.my, .org.my adalah melalui Registrar (rujuk seksyen 9).

- 8.1.1 Permohonan melalui MYNIC hanya untuk kategori .gov.my adalah melalui langkah-langkah berikut:


- 8.1.1.1 Pergi ke laman sesawang MYNIC <https://mynic.my/domain-search>. Masukkan nama domain yang hendak dipohon. Tekan butang **SEARCH**.




- 8.1.1.2 Sekiranya nama domain tersebut masih tersedia untuk dipohon, klik **"GET NOW"**




- 8.1.1.3 Klik **"REGISTER"** di seksyen yang tertera "Authorized for .gov.my / .edu.my / .mil.my"




- 8.1.1.4 Pilih **"Apply Now"**



- 8.1.1.5 Pemohon akan dibawa ke alamat <https://mynic.my/prime> , dan masukkan semula nama domain yang hendak dipohon, klik **"CONTINUE"**.



- 8.1.1.6 Teruskan permohonan dengan mengisi maklumat-maklumat yang diperlukan di dalam borang permohonan tersebut iaitu:



- 8.1.1.7 Nama pemohon (wakil pegawai dalam organisasi), alamat e-mel dan nombor telefon bimbit.
- 8.1.1.7.1 Pastikan alamat pemohon, alamat e-mel dan nombor telefon bimbit adalah maklumat yang benar.
- 8.1.1.7.2 Nama pegawai yang tertera didalam borang permohonan akan berperanan sebagai Pegawai Perhubungan Pentadbiran, Kontak Teknikal dan Kontak Pembilan (Perubahan maklumat pegawai boleh dilakukan setelah nama domain berjaya didaftarkan).
- 8.1.1.8 Nama organisasi, nombor organisasi, jenis pendaftaran organisasi dan alamat.
- 8.1.1.8.1 Untuk maklumat nombor organisasi, pemohon perlu meletakkan nombor rujukan yang ada di dalam surat permohonan rasmi.
- 8.1.1.8.2 Untuk maklumat jenis pendaftaran organisasi, pemohon perlu memilih "*Others*".
- 8.1.1.9 Lampirkan dokumen sokongan iaitu surat permohonan rasmi dari organisasi pemohon dan format file yang diterima ialah JPEG, PNG atau PDF dengan saiz fail maksima 2MB.
- 8.1.1.10 Ada notifikasi di laman web permohonan tersebut iaitu:
"Important note: Your domain name requires a minimum of two (2) valid nameservers to enable proper domain resolution. You can set it later in MYNIC SELF CARE."
- Ia bermaksud pemohon boleh memasukkan minimum 2 maklumat *nameserver* (DNS) yang sah di Sistem MYNIC Selfcare selepas nama domain berjaya didaftarkan.
- 8.1.1.11 Semak semula maklumat yang telah diisi dan tekan "**NEXT**".

- 8.1.2 Tandakan semua kotak ***“Terms and conditions”*** dan tekan ***“Proceed to Payment”*** untuk meneruskan proses pembayaran nama domain.

1 Fill in Details 2 Confirm & Pay 3 Complete

Please confirm all the details below.

Name
IC No.
Organisation Name
Organisation Registration No.
Organisation Type
Email
Mobile Number
Address

Your Items

Domain Registration

Domain (gov.my) 1 Year(s) RM80.00

Discount code Apply

Subtotal (RM)	80.00
Service Tax @ 8% (RM)	6.40
Total (RM)	86.40

☐ I acknowledge that I have read, understood and agreed to be bound by [MY Registration Agreements](#) and [Data Protection Policy](#).

☐ I hereby declare that the information provided is true and correct. I also understand that any wilful dishonesty may render for refusal of this application.

☐ I acknowledge that the domain name applied for is subject to MY domain name availability.

Proceed to Payment

- 8.1.3 Maklumat seperti dibawah akan dipaparkan. Tekan butang ***‘Proceed’*** untuk meneruskan proses pembayaran.

Secure Payment Page

To complete your order, please provide your payment details. For your security, the information you enter will be encrypted before being sent over. This is to keep your information from being stolen or intercepted while it is being transmitted over the internet.

Transaction Summary

Order ID	
Bill No	
Amount	
Email	
Phone	
Description	Registration Fee


Notes :

- Upon clicking proceed, you will be redirected to the bank system. Please **DO NOT REFRESH OR CLOSE** your browser until your transactions has completed.
- Enabled browser pop-up before proceed.
- Please ensure that cookies and Javascript is enabled on your browser.

Cancel Proceed

We comply with all applicable privacy laws. All information collection on our web pages will remain private and confidential. Please note that by submitting you personal information to us, you consent to our privacy statement that governs your account.

- 8.1.4 Setelah pembayaran berjaya diproses, sistem akan memaparkan halaman pengesahan permohonan seperti yang ditunjukkan di bawah.



- 8.1.5 E-mel pengesahan permohonan akan dihantar kepada alamat e-mel yang didaftarkan oleh pemohon.
- 8.1.6 Pihak MYNIC akan membuat verifikasi permohonan nama domain yang diterima dan akan menghubungi pemohon melalui e-mel atau telefon yang ada di dalam borang permohonan sekiranya perlu.
- 8.1.7 Nama domain akan didaftarkan dalam 1 hari bekerja setelah semua maklumat dan dokumen sokongan telah disemak dan diluluskan.
- 8.1.8 Pihak pemohon akan menerima katanama (*username*) melalui e-mel. Maklumat tersebut diperlukan untuk akses Sistem MYNIC Selfcare (selfcare.ichoose.my) sekiranya ada maklumat yang perlu dikemaskini.

8.2 Pengemaskinian maklumat nama domain .MY. melalui MYNIC Selfcare:

- 8.2.1 Sebarang pengemaskinian nama domain perlu dilakukan melalui Sistem MYNIC Selfcare (<https://selfcare.ichoose.my/login>).
- 8.2.2 Soalan-soalan lazim berkaitan penggunaan Sistem MYNIC Selfcare boleh dirujuk di <https://wiki.ichoose.my/>.


8.3 Pembaharuan nama domain .MY melalui MYNIC:

- 8.3.1 Kontak Pembilan perlu membuat bayaran pembaharuan nama domain .MY melalui MYNIC sebagai Registrar.
- 8.3.2 Cara pembayaran boleh dirujuk di alamat <https://mynic.my/resources/domains/faq> (seksyen *Paying for your domain*).
- 8.3.3 Bayaran pembaharuan perlu dilakukan mengikut tempoh yang dimaklumkan oleh Registrar bagi mengelakkan nama domain tersebut digantung atau ditamatkan.
- 8.3.4 Maklumat umum untuk tempoh bayaran nama domain .MY yang sepatutnya perlu dilaksanakan oleh Kontak Pembilan boleh dirujuk di kitaran hayat nama domain di alamat berikut: <https://mynic.my/resources/domains/managing-a-domain/my-domain-name-lifecycle-overview>.

8.4 Penamatan nama domain .MY:

- 8.4.1 Sekiranya Pegawai Perhubungan Pentadbiran (*Administrative Contact*) atau Kontak Pembilan mahu menamatkan nama domain .MY lebih awal dari kitaran hayat nama domain, permohonan penamatan hendaklah dimaklumkan kepada MYNIC melalui e-mel yang dihantar ke customercare@mynic.my.
- 8.4.2 Jika nama domain .MY mahu ditamatkan mengikut kitaran hayat nama domain, abaikan notifikasi yang diterima dari pihak MYNIC. Nama Domain akan digantung dan ditamatkan mengikut jadual dalam kitaran hayat nama domain: <https://mynic.my/resources/domains/managing-a-domain/my-domain-name-lifecycle-overview>.

8.5 Carta Alir Ringkasan Proses Permohonan Nama Domain Melalui MYNIC:



9. PERMOHONAN NAMA DOMAIN MELALUI REGISTRAR DOMESTIK MYNIC


Makluman:

Proses permohonan .gov.my melalui Registrar masih didalam fasa akhir sebelum pengoperasian.


Pihak MYNIC akan memaklumkan di laman sesawang <https://www.mynic.my> sekiranya permohonan gov.my boleh dimohon terus melalui Registrar.

9.1 Permohonan nama domain (.my, .com.my, .net.my, .org.my) melalui Registrar:


9.1.1 Pergi ke laman sesawang MYNIC <https://mynic.my/domain-search>. Masukkan nama domain yang hendak dipohon. Tekan butang '**SEARCH**'.



9.1.2 Sekiranya nama domain tersebut masih tersedia untuk dipohon, tekan perkataan '**Available**' untuk pergi ke halaman seterusnya.



- 9.1.3 Pilih Registrar yang dikehendaki daripada senarai Registrar yang tersedia, seperti contoh dibawah.




- 9.1.4 Tekan **"REGISTER"** dan ikuti arahan yang tertera di laman web Registrar tersebut.
- 9.1.5 Pemohon dinasihatkan menghubungi Registrar terlebih dahulu untuk mendapatkan maklumat lanjut berkaitan pakej nama domain .MY yang ditawarkan oleh Registrar sebelum membuat permohonan melalui Sistem Registrar yang dipilih.
- 9.1.6 Setelah semua maklumat, dokumen sokongan disemak oleh Registrar dan bayaran telah diselesaikan, Registrar akan menghantar permohonan tersebut kepada MYNIC untuk pendaftaran.
- 9.1.7 MYNIC akan mendaftarkan nama domain yang tiada mengandungi perkataan yang tertentu merujuk kepada pernyataan di seksyen 5.2.2.
- 9.1.8 Sekiranya nama domain yang dipohon mengandungi perkataan tertentu sebagaimana dinyatakan dalam seksyen 5.2.2, MYNIC akan membuat semakan dan verifikasi terlebih dahulu sebelum keputusan pendaftaran dibuat.
- 9.1.9 Registrar akan mendapat notifikasi dari MYNIC akan status pendaftaran nama domain samada berjaya didaftarkan atau dibatalkan.
- 9.1.10 Registrar akan memberikan katanama (*username*) kepada pegawai yang berkenaan setelah pendaftaran nama domain berjaya dilaksanakan oleh MYNIC, bagi membolehkan akses kepada sistem pengurusan nama domain yang telah didaftarkan.

9.2 Pengemaskinian, pembaharuan dan penamatan nama domain .MY melalui Registrar:

- 9.2.1 Sebarang pengemaskinian maklumat nama domain yang telah didaftarkan, pembaharuan nama domain dan penamatan nama domain perlu dilakukan melalui sistem yang disediakan oleh Registrar.
- 9.2.2 Panduan penggunaan sistem tersebut perlu dirujuk kepada Registrar.
- 9.2.3 Maklumat umum kitar hayat nama domain boleh dirujuk di <https://myNIC.my/resources/domains/managing-a-domain/my-domain-name-lifecycle-overview>. Namun tempoh sebenar bila nama domain akan digantung atau ditamatkan ditentukan oleh Registrar tersebut.

9.3 Carta Alir Ringkasan Proses Permohonan Nama Domain Melalui Registrar Domestik MYNIC:



PERTANYAAN

Untuk sebarang pertanyaan berkenaan Garis Panduan ini, sila hubungi MYNIC di customercare@mynic.my

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.mynic.my/contact-us